

**MEMIMPIN MINAT PENYERTAAN GENERASI MUDA  
DALAM MEMPERLUAS PELUANG PEKERJAAN:  
SELEKSI ISU-ISU SEKTOR INDUSTRI PEMBINAAN  
DAN PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR**

***LEADING YOUNG GENERATION PARTICIPATION INTEREST IN  
EXPANDING EMPLOYMENT OPPORTUNITIES: SELECTION ISSUES  
ON CONSTRUCTION INDUSTRIAL SECTOR AND INFRASTRUCTURE  
DEVELOPMENT***

**Mohd Kamal Mohd Shah<sup>1</sup>  
Irma Wani Othman<sup>2\*</sup>  
Muhammad Safuan Yusoff<sup>3</sup>  
Romzi Ationg<sup>4\*</sup>  
Anna Lynn Abu Bakar<sup>5</sup>  
Mohd Sohaimi Esa<sup>6</sup>  
Dr. Abang Mohd Razif Abang Muis<sup>7</sup>**

<sup>1</sup>Faculty of Engineering, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia, (E-mail: mkamalms@ums.edu.my)

<sup>2</sup>Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia, (E-mail: irma@ums.edu.my)\*

<sup>3</sup>Labuan Faculty of International Finance, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia, (E-mail: safuan\_y@yahoo.com)

<sup>4</sup>Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia, (E-mail: mrating@ums.edu.my)\*

<sup>5</sup>Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia, (E-mail: annalynn@ums.edu.my)

<sup>6</sup>Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia, (Email: msohaimi@ums.edu.my)

<sup>7</sup>Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia, (E-mail: amrazif@ums.edu.my)

\* Corresponding Author

**Article history**

**Received date** : 25-3-2021  
**Revised date** : 21-4-2021  
**Accepted date** : 16-5-2021  
**Published date** : 30-6-2021

**To cite this document:**

Shah, M. K. M., Othman, I. W., Yusoff, M. S., Ationg, R., Bakar, A. L. A., Esa, M. S., & Muis, D. A. M. R. A. (2021). Memimpin Minat Penyertaan Generasi Muda Dalam Memperluas Peluang Pekerjaan: Seleksi Isu-Isu Sektor Industri Pembinaan Dan Pembangunan Infrastruktur. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 6(38), 167 -187.

**Abstrak:** *Memimpin minat penyertaan generasi muda dalam industri pembinaan sebagai alternatif kerjaya profesional menjadi suatu keperluan kritikal negara apabila berhadapan dengan kekurangan penyertaan tenaga kerja tempatan. Persepsi berkenaan dikaitkan dengan sikap graduan melabelkan pekerjaan dalam industri pembinaan sebagai 3D 'Dirty, Difficult and Dangerous' (kotor, sukar dan bahaya). Artikel ini mengentengahkan seleksi isu-isu kontemporari bagi meminimal margin pandangan skeptikal generasi muda berhubung industri pembinaan lantas menjadikannya sebagai prospek kerjaya yang berwibawa, mencabar, menarik dan selamat untuk diceburi. Antara penelitian relevan dibincangkan merangkumi (i) Peluang penyertaan kerjaya generasi muda dalam sektor pembinaan & infrahstruktur, (ii) Signifikansi pembangunan infrastruktur terhadap perancangan ekonomi luar bandar, (iii) Pembangunan infrastruktur pembinaan dalam perhubungan pengangkutan, (iv) Pelan perancangan pembangunan infrastruktur sektor pendidikan, (v) Strategi pembangunan infrastruktur sektor pelancongan, (vi) Integrasi teknologi dan telekomunikasi dalam pembangunan infrastruktur dan (vii) Impak Covid-19 ke atas sektor pembinaan di Malaysia. Hala tuju perbincangan bukan sahaja memfokalkan kepentingan pembangunan insfrastruktur meningkatkan status sosial dan ekonomi persekitaran dan masyarakat, malahan menjana literasi dalam memimpin peluang pekerjaan dalam sektor pembinaan bagi mengurangkan risiko graduan menganggur era pasca pandemik.*

**Kata Kunci:** *Peluang Kerjaya, Industri Pembinaan, Pembangunan Infrastruktur, Generasi Muda*

**Abstract:** *Leading the interest of the participation of the younger generation in the construction industry as an alternative to professional careers has become a critical need of the country when faced with the lack of local workforce participation. The perception was linked to the attitude of graduates labelling jobs in the construction industry as 3Ds 'Dirty, Difficult and Dangerous'. This article highlights a selection of contemporary issues to minimise the margin of scepticism of the younger generation regarding the construction industry thus making it a credible, challenging, exciting and a safe career prospect to pursue. Among the relevant studies discussed include (i) Career participation opportunities of young generation in the construction and infrastructure sector, (ii) Significance of infrastructure development on rural economic planning, (iii) Development of construction infrastructure in transport relations, (iv) Education sector infrastructure development planning plan, (v) Tourism sector infrastructure development strategy, (vi) Technology and telecommunications integration in infrastructure development and (vii) Impact of Covid-19 on the construction sector in Malaysia. The direction of the discussion not only focused on the importance of infrastructure development to improve the social and economic status of the environment and society, but also to generate literacy in leading employment opportunities in the construction sector to reduce the risk of unemployed graduates in the post-pandemic era.*

**Keywords:** *Career opportunities, Construction Industry, Development Infrastructure, Young Generation*

## Latar Belakang

Pembangunan sektor perindustrian di Malaysia merangkumi skop luas aktiviti pembuatan, pembinaan, perlombongan, kuari dan perkhidmatan serta infrastruktur seperti kuasa elektrik dan pengangkutan. Malaysia sebagai sebuah negara membangun sentiasa memperkembangkan usaha pembangunan infrastruktur bagi tujuan memperluas peluang pekerjaan serta menggalakkan penyertaan generasi muda dalam sektor perindustrian (Utusan Borneo, 2018). Mengambil kira fenomena penularan pandemik Covid-19 mengganggu gugat pelbagai aspek kesejahteraan hidup terutama impak negatif ke atas pekerjaan ke atas hampir sebahagian besar populasi dunia, maka industri pembinaan dan infrastruktur dilihat sebagai salah satu sektor dominan negara yang menawarkan peluang pekerjaan kepada pelbagai lapisan masyarakat. Merujuk bilangan penggunaan tenaga dalam sektor ekonomi negara yang dianggarkan berjumlah 9.9 juta orang pada Jun 2020, sumbangan sektor pembinaan infrastruktur berjaya membuka peluang pekerjaan kepada 789,600 rakyat negara ini (Harian Metro, 2020). Ini selaras dengan laporan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia 2020 mengenai kadar pengangguran bagi bulan September 2020 menurun ketara kepada 4.6 peratus iaitu 737,500 penganggur (Astro Awani, 2020a). Rentetan dari itu dengan bilangan penduduk kembali bekerja pada suku tahun 2020 meningkat dari 1.4 peratus kepada 15.1 juta orang berbanding dengan tahun sebelumnya telah dikenalpasti datangnya dari penawaran pekerjaan dalam sektor perindustrian (Astro Awani, 2020a).

Natijah, pihak berkuasa mengambil langkah wajar dalam berperanan secara pro-aktif menjadikan sektor pembinaan sebagai sumber pendapatan kepada rakyat yang memerlukan, terutama individu berkecukupan dan berkemahiran yang melibatkan pelbagai jenis pekerjaan merangkumi juru bina, kejuruteraan awam, elektrik, mekanikal, pengendalian jentera berat dan ringan oleh buruh awam. Bertitik tolak dari itu, peluang pekerjaan dalam sektor pembinaan diperhebatkan melalui Dasar Kementerian Kerja Raya yang bermatlamat menjadikan sektor pembinaan kekal mapan sebagai sumber membekalkan peluang pekerjaan kepada kesejahteraan masyarakat (Berita Harian, 2021a). Ini terbukti apabila petunjuk prestasi utama (KPI), Kementerian Kerja Raya (KKR) memenuhi 99 peratus seperti yang disasarkan bagi tahun 2020 (Metro, 2020). Kejayaan berkenaan merangkumi pelaksanaan projek pembinaan infrastruktur kerajaan yang bertaraf mega, sama ada diklasifikasikan sebagai projek naik taraf, baik pulih jalan raya malahan usaha mempersiapkan projek yang melibatkan kebajikan pemain industri terjejas impak dari pandemik COVID-19. Antaranya seperti projek Lebuhraya Pan Borneo di Sabah dan Sarawak, Central Spine Road (CSR) Pahang ke Kelantan yang melibatkan Lebuhraya Kota Bharu-Kuala Krai, menaiktaraf Jalan Persekutuan 5 (FR5) Selangor dan Perak serta Lebuhraya Pantai Barat (WCE) (Metro, 2020).

Manakala pembangunan infrastruktur dalam sektor pembinaan turut menjana peluang pekerjaan melalui projek pembinaan rumah apabila Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan membuka peluang pembinaan 3,969 unit rumah yang membabitkan gandingan pihak pemaju tempatan swasta, kerajaan Persekutuan dan Negeri (Berita Harian, 2020a). Fokus kerajaan dalam membina lebih banyak rumah mampu milik di seluruh negara secara tidak langsung memperluaskan peluang pekerjaan kepada rakyat. Pelaksanaan skim Perumahan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) dan Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB), Rumah Mampu Milik Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM) dan Program Perumahan Rakyat (PPR), Sasaran projek pembinaan berkenaan bertujuan membekalkan banyak peluang pekerjaan kepada generasi muda dalam sektor pembinaan melalui kerjasama antara pihak kerajaan negeri, syarikat berkaitan kerajaan (GLC), syarikat swasta dan rakyat

(Berita Harian, 2020a). Kerjasama PR1MA dengan Tenaga Nasional Berhad (TNB) membangun 3.2 hektar tanah di Kajang bagi pembinaan 1.200 unit rumah membuktikan hasrat meningkatkan hasil ekonomi dan status sosial komuniti setempat (Berita Harian, 2015a). Tuntasnya, aktiviti pembinaan infrastruktur bukan sahaja memperluaskan peluang pekerjaan bahkan membantu kelangsungan hidup generasi muda.

Selain dari itu, kerjasama padu seiring latihan melalui Akademi Binaan Malaysia dan CIDB Technologies telah meletakkan prioriti kepada masyarakat tempatan terutama golongan sasaran lepasan graduan universiti tempatan serta pekerja yang berhadapan dengan pengangguran. Usaha libatsama CIDB dalam menawarkan latihan seiring dengan hasrat kerajaan memenuhi objektif bagi memperkukuhkan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) (Laporan CIDB, 2020). Statistik hari ini memperlihatkan sejumlah 146,357 belia dan 272,000 pekerja binaan mencakup pelbagai bidang kemahiran berjaya menerima latihan yang memberikan implikasi positif terutama dalam konteks memenuhi keperluan tenaga kerja sektor industri pembinaan negara (Harian Metro, 2020). Sehingga Ogos 2020, hampir 10,000 peluang pekerjaan ditawarkan dalam sektor pembinaan yang mendukung kerjasama antara Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) bersama Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) (Laporan CIDB, 2020). Daripada jumlah tersebut 6564 kekosongan pekerjaan yang berjaya diisi melibatkan perjawatan pengurusan eksekutif, profesional berlesen dan juruteknik berpengalaman (Harian Metro, 2020). Kerjasama berkenaan secara tidak langsung menjadi penyumbang kepada peningkatan pelibatan pihak kontraktor dan pekerja berdaftar bersama CIDB, Perkeso yang mempunyai kelangsungan dengan penawaran perjawatan kosong dalam Portal Pekerjaan Negara seperti MyFutureJobs (Laporan CIDB, 2020).

Justeru itu, perbincangan dalam artikel ini mengentengahkan seleksi isu-isu kontemporari bagi meminimal margin pandangan skeptikal generasi muda berhubung industri pembinaan lantas menjadikannya sebagai prospek kerjaya yang berwibawa, mencabar, menarik dan selamat untuk diceburi. Perkongsian informasi ini diharap berupaya memimpin minat penyertaan generasi muda dalam industri pembinaan sebagai alternatif kerjaya profesional menjadi suatu keperluan kritikal negara apabila berhadapan dengan kekurangan penyertaan tenaga kerja tempatan.

#### **(i) Peluang Penyertaan Kerjaya Generasi Muda dalam Sektor Pembinaan dan Infakstruktur**

Peminggiran penyertaan tenaga kerja tempatan berkecimpung dalam industri pembinaan di Malaysia memperlihatkan corak kecenderungan generasi muda dalam pemilihan pekerjaan. Tidak dapat dinafikan dasawarsa menyaksikan Malaysia merupakan antara negara membangun di rantau Asia yang mendahului prestasi pendidikan dan menghasilkan generasi muda berpendidikan lepasan institusi pengajian tinggi. Kelayakan ijazah dan diploma menempatkan graduan pada satu persepsi bahawa sterotaip pekerjaan kolar biru yang tidak berupaya menghambat minat golongan muda untuk menceburi bidang pembinaan yang tidak setara dengan kelayakan akademik mereka. Justeru itu majoriti graduan menganggur tidak menganggap bekerja di tapak pembinaan yang melibatkan kerja-kerja fizikal tinggi sebagai pilihan wajar untuk membina kerjaya, walaupun pada hakikatnya mereka masih tidak memperoleh pendapatan bagi tempoh yang lama.

Kajian yang dilakukan oleh Construction Industri Development Board (CIDB) (2004), mendapati akar umbi kepada kurang minat disumbang oleh persepsi masyarakat umum

berhubung pekerjaan dalam sektor pembinaan dan infrastruktur sebagai kerjaya 3D yang terhasil dari perkataan '*Dirty, Difficult and Dangerous*'. Stigma negatif yang melabelkan sesuatu pekerjaan mempunyai elemen kotor, sukar dan berbahaya meletakkan kedudukan pemilihan pekerjaan dalam sektor pembinaan berada pada tangga terendah bagi majoriti dari kalangan generasi muda yang tidak faham dengan konsep pekerjaan dan pembangunan kerjaya dalam kehidupan seseorang individu. Perspektif masyarakat berhubung dengan keselamatan dan kesihatan (*health and safety*) di tempat kerja mendominasi ketidaksesuaian sektor pembinaan dijadikan sebagai pilihan utama graduan yang dikatakan memiliki kelayakan untuk bekerja di dalam persekitaran yang lebih selesa dan tidak membahayakan keselamatan diri.

Peranan yang dimainkan oleh media massa yang cenderung melaporkan kemalangan sama ada melibatkan kecederaan mahupun mengorbankan nyawa pekerja tapak pembinaan, secara tidak langsung menyokong anggapan negatif berhubung risiko ketidakselamatan di tempat kerja. Penglibatan pekerja asing dalam sektor pembinaan turut mengundang spekulasi dan kontroversi yang melihat bagaimana masyarakat menyalahkan pengurusan projek yang tidak mengawalselia aspek keselamatan di tapak pembinaan (Berita Harian, 2019a). Pengambilan migran yang tidak memiliki dokumen yang sah dijadikan faktor penyumbang kepada statistik tinggi kemalangan di tempat kerja. Ini berpunca dari kurang pendedahan latihan keselamatan yang membawa kepada ketidakcekapan dan kelalaian semasa bekerja. Kelonggaran penekanan keselamatan di tempat kerja mengakibatkan imej industri pembinaan kekal sebagai organisasi yang memberi pendedahan risiko. Seperkara lagi, permasalahan berhubung dengan persepsi negatif masyarakat tempatan apabila pekerja migran dikaitkan dengan peningkatan jenayah-jenayah hasil dari kesempitan hidup serta amalan budaya yang tidak sihat mampu mempengaruhi penduduk tempatan. Pencerobohan penempatan setinggian secara haram mengundang gejala tidak bermoral, pelanggaran undang-undang dan mengganggu keamanan menjadikan ketidakselesaan pelbagai pihak serta menyukarkan sektor pembinaan menjadi destinasi pilihan pekerjaan oleh rakyat tempatan (Utusan Borneo, 2019).

Keputusan kerajaan menyekat pekerja warga asing dari penyumbang utama tenaga buruh seperti Indonesia, India dan Filipina dijangka menjejaskan sektor pekerjaan di Malaysia terutamanya industri pembinaan (Berita Harian, 2021b). Isu pengambilan pekerja tempatan impak dari pandemik Covid-19 menjadikan keadaan bertambah sukar akibat pelaksanaan Standard Operating Procedure (SOP) yang perlu dipatuhi. Malahan pengambilan pekerja Indonesia tidak dibenarkan dalam sektor perladangan mengakibatkan jumlah permintaan pekerjaan mencecah 40,000 pekerja (Berita Harian, 2021b). Malaysia terkesan dengan keperluan sektor berkenaan terutama ketandusan bilangan pekerja asing terlatih dalam melakukan kerja berat, rumit dan berbahaya. Sektor kejuruteraan dan teknikal yang majoriti berasaskan operasi minyak dan gas bergantung harap dengan pekerja dari negara Filipina. Manakala bidang informasi teknologi dan perkomputeran terkesan dengan ketiadaan pekerja dari India. Situasi bertambah kritikal apabila pihak kerajaan bertegas enggan melaksanakan dasar buka pintu membuka sempadan bagi pekerja asing kerana akur dengan data-data saintifik Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) membendung peningkatan kes pandemik Covid-19 (Metro, 2021).

Sikap tidak bertanggungjawab segelintir dari majikan yang memberikan gaji rendah kepada pekerja binaan menambahayakan pandangan individu terutama generasi muda dan masyarakat tempatan untuk kekal beranggapan bahawa industri pembinaan dan infrastruktur tidak



menjanjikan prospek pendapatan yang adil dan saksama. Elemen sistem pengurusan kewangan yang melibatkan imbuhan gaji yang rendah merupakan antara alasan utama individu menolak bekerja dalam sektor perindustrian, di samping kurang fahaman tentang prospek pembangunan kerjaya yang baik. Secara perbandingan, sektor pembinaan dibayangi dengan status dan taraf kelompok pekerja kolar biru yang bergaji rendah serta tidak berpadanan dengan jam bekerja yang panjang. Ditambah pula rutin pekerjaan tersebut mengkehendaki kerja-kerja fizikal tinggi dan status lokasi kerja yang bersifat tidak kekal. Dengan kata lain ketidatentuan lokasi pekerjaan iaitu berdasarkan konsep '*progress project*' dikatakan menjadi cabaran utama dalam merendahkan lagi minat generasi muda untuk menceburi bidang ini (Kalaiselvi & Lai, 2018). Justeru itu, bagi meminimal margin pandangan skeptikal generasi muda berhubung industri pembinaan sebagai prospek kerjaya berwibawa, mencabar, menarik serta selamat untuk diceburi, maka persepsi positif dalam pemikiran umum harus dibina.

Antaranya adalah memperkenalkan sebuah sistem pendidikan komprehensif mencakupi bidang profesion sektor pembinaan dan infrastruktur dari lensa pembangunan kerjaya yang menjadi pilihan bagi bidang ilmu berkaitan. Penawaran kurikulum seawal di peringkat sekolah wajar dilengkapi dengan matlumut penting berhubung sektor-sektor utama negara termasuklah prospek pekerjaan dalam industri pembinaan dan infrastruktur. Manakala di peringkat sekolah menengah menjadi fasa pelajar membuka minda tentang seleksi profesion yang boleh dijadikan kerjaya (Berita Harian, 2020b). Aktiviti kurikulum yang meliputi lawatan ke tapak pembinaan bertujuan memberi pendedahan berhubung pengurusan sektor pembinaan lantas membimbing pelajar mengenai proses industri pembinaan. Pendedahan kerjaya di sektor pembinaan wajar selari dengan penawaran program pengajian yang berbentuk latihan kemahiran serta didokong dengan institusi latihan industri yang menyediakan laluan kerjaya setelah tamat pengajian (Mohd Helmi, Azman, Norhidayah & Mohammad, 2016). Melalui inisiatif tersebut, pemahaman yang lebih jelas dan menyeluruh mampu memupuk dan menarik minat generasi muda dalam kalangan rakyat tempatan untuk menceburi diri dalam industri pembinaan tanpa dibayangi dengan prasangka dan pengaruh kurang wajar. Asas perkongsian ilmu mestilah berlandaskan kepada fakta yang betul bagi meletakkan kefahaman pelajar berhubung cabaran dan pengembangan kerjaya bagi mereka yang berminat dalam industri pembinaan dan infrastruktur.

Langkah seterusnya mempunyai hubungkait dengan pemantauan etika media massa agar bersikap lebih bertanggungjawab untuk tidak menyebarkan info yang kurang jelas dan tidak menggambarkan keseluruhan senario demi menjamin kelestarian kredibiliti sektor pembinaan dan infrastruktur. Tumpuan ke atas aspek positif seperti kejayaan projek pembangunan ekonomi yang merangsang imej negara dan tidak hanya semata-mata dibayangi dengan informasi negatif berhubung kemalangan di tempat kerja mahupun kelewatan projek pembangunan tanpa siasatan penuh dilakukan terlebih dahulu. Dengan mengalih tumpuan kepada perkara yang lebih positif, tindakan berikut secara tidak langsung berupaya memupuk minat generasi muda terutama para graduan lebih terbuka hati menceburi bidang yang dianggap tidak mempunyai prospek kerja dan ini menyumbang pembangunan negara.

Merujuk kepada pengurusan pembayaran upah dan gaji bagi sektor industri pembinaan maka pendekatan yang harus dititikberatkan serta diperbaiki dengan mengemaskini sistem pampasan pekerja setara pemberian gaji dan faedah mengikut pasaran semasa. Pakej gaji dan faedah yang menarik berupaya menangkis pandangan serong umum berhubung diskriminasi

ketidaksamaan hak ke atas gaji berbanding dengan sektor lain. Kerja-kerja fizikal yang berat dan tidak tetap lokasi tapak pembinaan yang mempunyai risiko keselamatan dapat diselaraskan dengan perlindungan komprehensif ke atas kebajikan pekerja sektor pembinaan dengan wujudnya lindungan insuran serta timbal balik gaji tinggi setimpal dengan cabaran pekerjaan yang dilakukan. Selain dari itu, langkah bagi membangunkan program latihan bersasar bagi pekerja asing dijadikan syarat utama bagi sektor pembinaan yang sentiasa berhadapan dengan kebergantungan migran. Kekurangan penyertaan dari kalangan pekerja tempatan boleh diatasi sekiranya pihak majikan memberi keyakinan dengan pengurusan kakitangan sektor perindustrian yang lebih sistematik.

## (ii) Signifikasi Pembangunan Infrastruktur Terhadap Perancangan Ekonomi Negara

Infrastruktur merupakan suatu sistem fizikal pengangkutan, pengairan, saliran, bangunan dan kemudahan awam yang dibangunkan dengan fungsi penting bagi memenuhi keperluan asas masyarakat manusia mencakupi bidang sosial dan ekonomi. Pembangunan infrastruktur dikaitkan dengan fasiliti awam jalan dan jambatan, pelabuhan, lapangan terbang, rel, elektrik, air dan pembetulan. Pelan strategi pembangunan infrastruktur dan prasarana awam ini menjadi agenda jangka panjang negara yang harus dilakukan cekap, berhemah dan menyeluruh. Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri merealisasikan Dasar pembangunan infrastruktur dan fasiliti awam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) berfokus kepada menaiktaraf liputan rangkaian dan mengutiliti infrastruktur sedia ada bagi memaksima sumber ekonomi negara (Unit Perancangan Ekonomi, 2006). Tumpuan utama kerajaan berkisar pentarafan pembangunan infrastruktur luar bandar yang melibatkan permasalahan sumber air bersih kepada penduduk pinggir dan akses pengangkutan bersepadu yang berfungsi melancarkan aktiviti harian pada lokaliti sukar sejajar dengan keperluan semasa.

Manakala pertumbuhan ekonomi merujuk penanda aras ukuran prestasi positif ekonomi negara yang meningkatkan taraf kehidupan rakyat. Pertumbuhan ekonomi terbantut apabila taraf kehidupan rakyat tidak berubah akibat dari prestasi jaringan aktiviti negara bersifat malar. Proses pertumbuhan ekonomi mempunyai kelangsungan dengan keperluan pelaksanaan pembangunan infrastruktur yang melibatkan peruntukan kewangan awam serta dibantu dengan sumber kewangan pelabur swasta dan luar negara (Md Zyadi, Azmafazilah, Norain & Iszan Hana, 2009). Bagi maksud tersebut, pihak kerajaan harus bijak mengatur pelan perancangan pembangunan infrastruktur jangka panjang yang disokong oleh pelaburan besar. Ini kerana tunjang pergerakan prestasi ekonomi sesebuah negara yang baik adalah hasil kelangsungan dari peningkatan produktiviti terbentuk dari akses kepada pekerjaan dan nilai kesejahteraan kehidupan rakyat.

Seterusnya, apabila membicarakan tentang impak pembangunan infrastruktur ke atas pembangunan komuniti penduduk, Malaysia memperkenalkan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dengan mengambil pendekatan melakukan transformasi tegar ke atas pembangunan luar bandar (Mohd Koharuddin, 2005). Agenda negara untuk membasmi kemiskinan melalui sifar pengangguran dan mengaktifkan penghijrahan dari desa ke kota merupakan antara iltizam kerajaan mengubah nasib serta menaiktaraf kehidupan rakyat luar bandar. Bagi memangkinkan kesejahteraan rakyat Rancangan Malaysia ke-7 memperkenalkan rangkaian infrastruktur bersepadu bagi pelaksanaan pembangunan infrastruktur yang meliputi fasiliti asas awam termasuklah pengangkutan, komunikasi, bekalan air, elektrik dan sistem

pembentukan (Unit Perancangan Ekonomi, 1996). Kesenambungan berikut direalisasikan dengan Rancangan Malaysia ke-8 yang menekankan improvisasi aksesibiliti lokaliti pembangunan infrastruktur luar bandar ke kawasan bandar (Unit Perancangan Ekonomi, 2001). Sementara itu lokaliti bandar memanfaatkan pembangunan infrastruktur yang lebih terarah kepada masyarakat mendapat kemantapan kecekapan perkhidmatan secara optimum.

Manakala tempoh lima tahun dari 2011-2015 menyaksikan Rancangan Malaysia Ke-10 dilancarkan demi memastikan peningkatan permintaan bagi infrastruktur pengangkutan, digital sejajar dengan pelaburan projek mega pihak kerajaan (Unit Perancangan Ekonomi, 2011). Lonjakan 68% pembangunan rangkaian jalan raya ditambah dengan kejayaan Malaysia merangkul anugerah World's Top 20 Container Port membuktikan kejayaan usaha tersebut dan boleh dibanggakan (Lembaga Pelabuhan Klang, 2010). Jumlah peningkatan 23% bagi kargo dan kontena semenjak 2010 yang melibatkan Pelabuhan Klang serta Pelabuhan Tanjung menjadi pemangkin peluasan tapak pelabuhan bagi memenuhi permintaan meningkat (Lembaga Pelabuhan Klang, 2010). Inisiatif meningkatkan ekonomi negara membuka landasan dan terminal baru Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) berjaya meningkatkan 46% jumlah penumpang sepanjang 2010-2014 (Unit Perancangan Ekonomi, 2011). Kecekapan dan keberkesanan landasan kereta api dilaksanakan dengan memodenkan perkhidmatan, meningkatkan kapasiti landasan dan memendekkan masa perjalanan. Projek Landasan Berkembar Elektrik Gemas-Johor Bahru. Projek tersebut telah menghubungkan jaringan landasan berkembar elektrik dari Gemas sehingga ke Johor Bahru dilengkapi pelbagai kemudahan pengangkutan awam berasaskan rel, ditambah perkhidmatan penumpang dan kargo ke negara jiran seperti Thailand dan Singapura telah mengurangkan bilangan kemalangan jalan raya selain dari memberi impak positif ke atas peningkatan pendapatan (Berita Harian, 2020c).

Sumbangan pembangunan infrastruktur turut melibatkan proses menaiktaraf sistem pengairan dan saliran di kawasan pengairan berpenduduk. Contohnya, projek membina semula & menaiktaraf struktur pengairan dan saliran diancarkan secara intensif ke setiap pelusuk desa dengan memeriksa semula tebatan banjir kawasan pertanian. Tindakan itu bertujuan untuk mengawalselia sistem infrastruktur pengairan dan saliran agar berada dalam pemantauan wajar selaras dengan peningkatan keupayaan aliran saluran air (\*). Projek menambah pulih seperti pengukuhan cerun hilir menyokong aktiviti pertanian terutama penanaman padi yang bergantung sepenuhnya dengan bekalan sumber air yang mencukupi dan terkawal. Aktiviti pertanian merupakan punca pendapatan sebilangan besar masyarakat desa di mana usaha untuk menghasilkan hasil produk yang lebih tinggi menjana pendapatan komuniti luar bandar dan merangsang kemajuan ekonomi negara yang bersifat progresif. Melalui Dasar Pembangunan Luar Bandar 2030 kerajaan turut memberi sokongan padu dalam pembangunan sosioekonomi negara dengan mewujudkan kelestarian persekitaran kondusif antara bandar dan luar. Keutamaan sekali lagi diberikan apabila peruntukan RM70 juta dikhaskan kepada pengusaha-pengusaha penanaman padi di Sabah. Tuntasnya, inisiatif tersebut mampu meletakkan Sabah sebagai negeri yang tidak jauh ketinggalan berbanding negeri lain di Malaysia (Berita Harian, 2014).

Tidak terkecuali pembangunan infrastruktur bagi kawasan bandar yang meliputi pembinaan kompleks perniagaan turut mendapat perhatian kerajaan. Pusat beli-belah dibina dengan menepati keperluan pengguna. Keutamaan infrastruktur seperti sistem perbankan, tempat letak kereta, malahan struktur bangunan yang mesra golongan kurang upaya (OKU) menjadi



syarat yang ditetapkan oleh kerajaan di kebanyakan kompleks perniagaan. Sebagai contoh, pada tahun 2019 pembinaan pusat membeli belah sebanyak 153 unit dibangunkan oleh kerajaan Negeri Johor dengan keluasan ruang 2,392,121 meter persegi. The Mall, Mid Valley Southkey di Johor Bahru telah memperolehi sewa premium RM371.36 semeter persegi hingga RM425.18 semeter persegi sebulan kerana lokasi strategik menjadi pilihan pengunjung sekitar Johor Bahru dan negara jiran Singapura (Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor, 2019). Di samping menyediakan kemudahan kepada umum dengan membangunkan pusat membeli belah, peluang pekerjaan turut diiklankan bagi memenuhi keperluan tenaga kerja. Maka, taraf hidup masyarakat dapat ditingkatkan dengan penyediaan infrastruktur pembinaan yang lengkap dan sempurna dan membawa ke arah kesejahteraan rakyat.

Natijah diharapkan pembangunan infrastruktur bukan hanya berperanan memangkinkan daya saing kegiatan ekonomi dan perdagangan malahan disandarkan sebagai sektor utama negara membentasi pengangguran pelbagai lapisan masyarakat dan menurunkan kadar kemiskinan terutama dalam kalangan masyarakat luar bandar. Seperkara lagi yang wajar di beri perhatian adalah berhubung unjuran graduan menganggur di luar bandar mengatasi mereka yang berada di bandar. Dalam konteks itu, kemasukkan lepasan graduan ke dalam sektor perindustrian boleh menurunkan tingkat pengangguran sekiranya generasi muda tidak memperlekehkan bidang pembinaan dan infrastruktur sebagai salah satu alternatif bagi memperoleh sumber pendapatan yang munasabah. Pembangunan sumber manusia yang maksimum boleh terlaksana dengan modal insan bersifat peka dan akur dengan peredaran zaman serta tidak hanya menakuk kepada sektor pekerjaan kolar putih sahaja.

### **(iii) Pembangunan Infrastruktur Pembinaan Perhubungan dan Pengangkutan**

Lokaliti masyarakat bandar yang sentiasa berhadapan dengan masalah kesesakan lalu lintas nyata memerlukan solusi bijak dari kerajaan pusat, bukan semata-mata usaha kerajaan menawarkan kemudahan lebuhraya merentasi negeri tetapi juga menerapkan amalan berhemah mengutilasikan konsep 'car pool' bagi kenderaan satu isi rumah. Namun begitu bagi masyarakat yang berada luar dari lokaliti berkenaan, mereka tidak memperolehi akses kemudahan infrastruktur dan terpaksa berhadapan dengan keterpinggiran dari menikmati pembangunan ekonomi.

Kelangsungan dari kesukaran tersebut telah mewujudkan rancangan pembinaan Projek Lebuhraya Sabah dan Sarawak (Pan Borneo) atau lebih dikenali Lebuhraya Trans Borneo yang diumumkan sebagai sebuah projek mega Malaysia bertujuan menjadi penghubung rangkaian laluan persekutuan Sarawak, Brunei dan Sabah (Berita Harian, 2018a). Projek usaha sama antara dua negara Malaysia-Brunei diuar-uarkan semenjak 1963 bila mana Sabah dan Sarawak menyertai Persekutuan Malaysia. Perancangan pada tahun 1997 meletakkan kedudukan Lawas di Sarawak dan Temburong di Brunei sebagai titik penghubung tiga kawasan iaitu Brunei-Sarawak-Sabah. Selain itu, Lebuhraya Trans Borneo turut menghubungkan negara jiran Indonesia di mana projek Lebuhraya Trans-Kalimantan melibatkan Pekan Tebedu dan Pontianak (Utusan Borneo, 2020). Kementerian Kerja Raya Malaysia melaporkan kemajuan fizikal 22% dicapai sehingga 31 Disember 2020 (Berita Harian, 2020c).

Projek Pembinaan Lebuhraya Pan Borneo dianggarkan pada awalnya menelan belanja RM500 juta telah mendapat kelulusan kerajaan pusat bagi tujuan pembangunan infrastruktur

pembinaan lebuh raya bagi dua negeri di Malaysia Timur iaitu Sabah dan Sarawak (Berita Harian, 2018b). Peruntukan mega berkenaan diberikan atas kapasiti kewangan mensasarkan pembinaan jalan raya empat lorong serta lorong memotong bagi setiap satu kilometer. Kerja penyelenggaraan dan menaiktaraf jalan rosak turut dilaksanakan berikutan jumlah kemalangan yang meruncing. Mengambil kira faktor sosioekonomi dan ketidakmampuan rakyat maka kerajaan pusat mengumumkan tiada caj tol bagi pengguna Lebuh Raya Pan Borneo ini kelak (Berita Harian, 2015b). Pada 31 Mac 2015 perasmian projek pembukaan pembinaan Fasa 1, 2 dan 3 dilaksanakan secara berperingkat dan dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2022 (Berita Harian, 2015b). Namun begitu, hari ini menyaksikan peruntukan kewangan dalam belanjawan 2021 memberi tumpuan kepada pembangunan luar bandar khas bagi negeri Sabah (Astro Awani, 2020b).

Rentetan dari itu Kerajaan Persekutuan memperuntukkan RM5.1 bilion kepada kerajaan negeri Sabah bagi projek menaiktaraf infrastruktur jalan raya, capaian sumber air dan elektrik, akses pendidikan dan kemudahan kesihatan (Astro Awani, 2020c). Kementerian Kewangan membentangkan belanjawan yang berintipati isu pembangunan Sabah serta memberi jaminan menyempurnakan pembinaan Lebuh Raya Pan Borneo Sabah. Tumpuan turut diberikan kepada Projek Pembesaran Pelabuhan Kontena Sapangar Bay bernilai RM34.3 juta yang diharapkan menjadi laluan meluaskan peluang pekerjaan kepada pelbagai lapisan masyarakat (Berita Harian, 2020e). Imbuhan merangsang pelaburan dilaksanakan dengan memberikan keyakinan pelabur tempatan dan luar negara menggembelng usaha kerjasama membangunkan ekonomi Sabah.

Manakala infrastruktur pelabuhan menyumbang kepada pertumbuhan industri dan perdagangan. Malaysia mempunyai tujuh pelabuhan utama termasuklah Pelabuhan Klang, Pelabuhan Pulau Pinang, Pelabuhan Johor, Pelabuhan Tanjung Pelepas, Pelabuhan Kuantan, Pelabuhan Kemaman dan Pelabuhan Bintulu (Berita Harian, 2021c). Secara strategik Pelabuhan Barat berfungsi sebagai salah satu pelabuhan dilengkapi dengan kemudahan kapal berlabuh dan mampu mengedalikan kapal-kapal kontena yang terbesar. Sementara itu dari segi pelaburan pula, pembangunan infrastruktur di Pelabuhan Johor berada pada kedudukan zon perindustrian Pasir Gudang yang menyumbang operasi industri ringan, sederhana dan berat. Kawasan perindustrian Pasir Gudang beroperasi dengan kapasiti 250 buah kilang dengan keluasan 3,000 hektar. Ia turut menjadi tarikan pelaburan asing antaranya Jepun, Amerika Syarikat, Taiwan, Singapura dan negara-negara Kesatuan Eropah (Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor, 2019).

Dalam konteks ini, pelabuhan berperanan bukan sahaja tempat mengisi bunker untuk memenuhi keperluan kapal. Fungsi pelabuhan difahami sebagai menghubungkan semua mod pengangkutan lengkap dengan keperluan pelaut. Kedudukan Malaysia secara strategik sebagai negara maritim memangkin perkembangan industri perdagangan di mana pembinaan infrastruktur pelabuhan berteknologi tinggi mendorong pelabur dari luar negara untuk melabur di Malaysia. Fokal pembangunan infrastruktur tempat kapal berlabuh, limbungan, dermaga dan peralatan pengendalian kargo seperti kontena membawa permintaan pasaran yang tinggi. Berdasarkan laporan yang dikeluarkan oleh UNCTAD, daya pemrosesan kontena pelabuhan Malaysia memperlihatkan purata sebanyak 26.2 bilion unit setara 20 kaki (TEU) semenjak tahun 2008 sehingga 2019 (Berita Harian, 2021c). Data berkenaan membuktikan perkembangan industri perkapalan merangsang ekonomi negara di mana aktiviti import dan eksport secara produktif melibatkan perdagangan luar negara.

#### **(iv) Pelan Perancangan Pembangunan Infrastruktur Sektor Pendidikan**

Pembangunan infrastruktur sektor pendidikan mempunyai perkaitan rapat dengan pembangunan modal insan bersahsiah, berilmu dan berwawasan di mana pelapis generasi muda dibentuk menjadi pemimpin masa depan. Justeru itu kompetensi modal insan bertepatan bagi memenuhi keperluan industri menjadi sandaran penting bagi kelestarian pembangunan ekonomi serta mencorak hala tuju negara secara progresif. Namun begitu, proses pembangunan infrastruktur di sebahagian negeri seperti negeri di pantai timur dan Sabah masih jauh ketinggalan dari aspek pembangunan infrastruktur. Masih terdapat kemiskinan tegar di kawasan pendalaman yang meletakkan persekitaran pembelajaran di sekolah-sekolah dalam keadaan mundur dan daif. Pihak Kerajaan Persekutuan memandang serius situasi tersebut dan meletakkan tanggungjawab digalas oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar dengan memberi peruntukan tambahan sebanyak RM725 juta bagi urusan menaiktaraf bangunan dan infrastruktur sistem persekolahan luar bandar (Sinar Harian, 2020a). Ini menyahut hasrat kerajaan merapatkan jurang pembangunan bandar serta luar bandar berlandaskan kepada Wawasan Kemakmuran Bersama seperti yang disarankan dalam Belanjawan 2021.

Iltizam kerajaan bagi merapatkan jurang perbezaan kualiti pendidikan yang diperoleh penduduk bandar dan luar bandar dilihat dari pelbagai usaha. Komitmen utuh kerajaan dalam memastikan pembangunan infrastruktur pendidikan seawal peringkat pra-persekolahan sehingga peringkat pengajian tinggi mencapai piawai yang ditetapkan terutama dari masalah kesesakan pelajar dalam bilik darjah, kekurangan akses kepada bahan bantu pengajaran yang memberi implikasi ke atas keseluruhan proses pembelajaran. Mengambil senario yang berlaku sekitar tahun 2019 di mana beberapa sekolah seperti Sekolah Menengah Kebangsaan Putatan dan Sekolah Menengah Kebangsaan Tansau yang mengalami kesesakan pelajar dalam sesebuah bilik darjah sehingga melahirkan suasana pembelajaran yang tegang dan tidak kondusif (Borneotoday, 2019). Kerajaan mengambil langkah drastik dengan membangunkan Sekolah Menengah Kebangsaan Petagas bagi menampung seramai seribu orang pelajar, 36 bilik darjah, 16 bilik guru, dewan perhimpunan, kantin dan prasarana riadah bersukan (Borneotoday, 2019).

Penyediaan infrastruktur yang menyeluruh, seimbang dan bersepadu dapat membaiki sistem pengajaran dan pembelajaran serta meningkatkan mutu pendidikan. Pelbagai strategi diperkenalkan oleh Kementerian Pelajaran bagi mengenalpasti pembangunan infrastruktur sektor pendidikan seperti makmal komputer, makmal sains, bilik darjah bagi melancarkan proses pembelajaran sistematik dan berkesan. Objektif Dasar Pendidikan Kebangsaan adalah mewujudkan sebuah persekitaran pembelajaran selesa dan memudahcara proses PdP. Program Pembastarian Sekolah diperkenalkan bagi sekolah luar bandar bagi menyediakan fasiliti komputer, cakera video digital dan televisyen. Program seperti Latihan Penggunaan Televisyen Pendidikan (TVP), Latihan Penggunaan Komputer, Latihan Asas Penggunaan Komputer dan Latihan Penggunaan Perisian Khusus (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012). Kerajaan membekalkan komputer bagi menyimbangi bekalan antara sekolah bandar dan luar bandar demi mempertingkatkan penggunaan teknologi dalam proses pembelajaran dalam usaha memastikan pelajar dapat memahami secara mendalam. Manakala Dasar Pendidikan Negara bermatlamat menambahbaik sistem infrastruktur di peringkat sekolah, vokasional dan universiti. Kementerian Pengajian Tinggi memperluaskan pembangunan infrastruktur di peringkat universiti meliputi kedua-dua bidang sains gunaan dan sastera gunaan. Usaha

kerajaan meningkatkan taraf infrastruktur pendidikan luar bandar dibuktikan melalui inisiatif membekalkan telefon pintar, komputer atau peranti mudah alih lain mampu mengurangkan jurang pendidikan antara pelajar bandar dan pelajar luar bandar. Ini membawa proses pembelajaran di luar bandar berjalan lancar serta menyumbang penurunan kadar keciciran luar bandar.

#### (v) Strategi Pembangunan Infrastruktur Sektor Pelancongan

Malaysia dikenali sebagai salah sebuah negara di Asia yang mencuri tumpuan pelancong dari pelbagai pelusuk dunia. Pengiktirafan Malaysia sebagai destinasi pelancongan utama bertaraf global telah menjadikan sektor pelancongan antara industri berperanan vital dalam menjana pertumbuhan ekonomi negara (Berita Harian, 2020d). Transformasi yang dibawa bersama pembangunan pelancongan meletakkan Kementerian Pelancongan Malaysia dalam tanggungjawab besar memastikan kemudahan infrastruktur yang komprehensif, sistematik dan bermutu tinggi disediakan. Pembangunan infrastruktur bagi sektor pelancongan merangkumi perkhidmatan umum seperti penginapan, pengangkutan, rekreasi, makanan dan cenderahati. Persepsi baik berhubung infrastruktur pelancongan yang berkualiti dan menarik menjadi tanda aras pelancong berkunjung semula ke Malaysia, seterusnya memberi pengiktirafan serta melahirkan minat bagi pelancong yang belum pernah melawat.

Pelbagai strategi pembangunan infrastruktur dalam sektor pelancongan dikemaskinikan oleh pihak kerajaan bagi menjadikan sektor tersebut sebagai antara sumber pendapatan utama Malaysia. Sebagai sebuah negara yang terkenal dengan keindahan semula jadi serta kaya dengan budaya masyarakat multi etnisiti, Malaysia menjadi pilihan ramai pelancong dari luar. Mengambil kira potensi sektor pelancongan dalam memberi peluang pekerjaan kepada rakyat maka langkah proaktif diambil oleh Tourism Malaysia mendapatkan informasi berhubung pembangunan infrastruktur sektor pelancongan. Ini dilalukan bagi menarik lebih ramai kedatangan pelancong ke destinasi peranginan terkenal di Malaysia. Antara destinasi tertinggi yang dikunjungi oleh pelancong setiap tahun semenjak 2010-2019 adalah Pulau Pinang, Sabah, Melaka dan Kuala Lumpur. Elemen menarik meletakkan empat negeri berkenaan terus menduduki tangga tertinggi merujuk kepada kerjasama erat antara kerajaan negeri dengan pihak swasta meningkatkan mutu infrastruktur pelancongan di lokasi strategik yang menjadi tumpuan pelancong. Selain dari itu penggabungan usaha sama dalam penyediaan perkhidmatan makanan dan penginapan antara kerajaan negeri dengan pihak swasta terbukti berhasil. Sebagai contoh, tahun 2017-2018 sektor perhotelan dan penginapan mencatatkan peningkatan sebanyak 25.7% di mana jumlah langganan hotel di tempah 4,750 unit bilik sehari (Berita Harian, 2019b). Manakala kapasiti yang mampu ditawarkan kepada pelancong adalah 308,140 unit bilik. Berdasarkan statistik Tourism Malaysia 2018, perkhidmatan makanan bagi tujuan keperluan pelancong melonjak sebanyak 13.4% (Berita Harian, 2019b). Secara rasional, peningkatan sektor perhotelan memberi impak positif dalam memperluaskan peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia terutama bagi generasi muda yang berhasrat membina kerjaya di sektor perhotelan mahupun mereka yang mencari pekerjaan sampingan bagi menambah pendapatan.

Dalam konteks pembangunan sektor pelancongan, kerajaan turut memberi perhatian kepada infrastruktur pengangkutan udara, darat dan air dalam mempelbagaikan alternatif perjalanan. Antaranya tindakan bijak Malaysia apabila memperkenalkan tambang penerbangan murah seperti yang ditawarkan oleh AirAsia. Perkhidmatan penerbangan murah dengan harga yang berpatutan dari seluruh pelusuk dunia ke Malaysia menjadi pemangkin keterujaan para

plancong melancong. Perkhidmatan mesra pelanggan dan pilihan penerbangan yang luas memberikan lebih ruang masyarakat dunia mengenali Malaysia. Pengiktirafan Malaysia Airline System (MAS) sebagai salah sebuah perkhidmatan penerbangan yang berprestij menambah keyakinan plancong untuk datang ke Malaysia. Kesenambungan dari pembangunan infrastruktur pengangkutan udara melahirkan peluang pekerjaan kepada generasi muda terutama graduan baru yang mempunyai persepsi tinggi dalam bidang kerjaya berkenaan. Tangga gaji tinggi dan '*fringe benefits*' merupakan pakej menarik rata-rata lepasan universiti yang masih belum terikat dengan komitmen keluarga.

Berikutnya adalah usaha kerajaan yang berusaha gigih untuk menaikkan taraf infrastruktur pengangkutan darat dianggap sebagai agenda 2-dalam-1 iaitu membangunkan infrastruktur bagi kemudahan rakyat, di samping memberikan keyakinan kepada para plancong yang menggunakan laluan darat bagi bergerak dari satu destinasi plancongan ke destinasi yang lain. Perkhidmatan pengangkutan yang sistematik dan komprehensif seperti LRT dan MRT, sistem bas plancong, kereta sewa, basikal sewa dan jalan rel keretapi memperluaskan alternatif plancong untuk bergerak mengikut keselesaan dan kecenderungan masing-masing. Contohnya perkhidmatan LRT dan MRT yang bertempat di ibu kota memberikan perkhidmatan yang cepat, eksklusif dan selesa bagi plancong. Sekiranya plancong membuat pilihan menggunakan perkhidmatan bas dan keretapi bagi menikmati pemandangan semulajadi negara ini, seharusnya pengalaman tersebut tidak dirosakkan dengan kemudahan infrastruktur yang tidak mencapai piawai sepatutnya. Begitu juga dengan perkhidmatan dari pekerja barisan hadapan dalam sektor pengangkutan yang mencerminkan sifat berhemah turut memerlukan latihan khidmat mesra pelanggan serta menjadi tanggungjawab pelbagai pihak yang terlibat dalam sektor plancongan.

Seterusnya tumpuan kerajaan dalam memperluaskan rangkaian infrastruktur pengangkutan air menjadi elemen utama bagi destinasi yang terkenal dengan anugerah alam semulajadi seperti kepulauan dan banjaran. Peruntukan besar melibatkan teknologi tinggi memerlukan kemasukan pelabur asing bagi membantu membangunkan industri plancongan terutama dalam pembinaan jambatan, dermaga feri, pembelian kapal pelayaran dan bot laju. Pembinaan tapak resort dan kompleks hotel yang dibangunkan di pulau-pulau berhadapan dengan cabaran lebih besar berbanding dengan pembangunan penginapan plancong di kawasan bandar. Sebahagian besar hotel dan pusat peranginan yang menjadi destinasi plancongan kegemaran seperti kepulauan Sabah, Pulau Langkawi, Pulau Pangkor dan Pulau Tioman memerlukan perancangan rapi dan belanjawan yang besar. Menurut statistik Lembaga Pembangunan Langkawi 2019, seramai 3924326 plancong yang tiba di Malaysia akan singgah untuk menghabiskan sebahagian masa bercuti di Langkawi (Lembaga Pembangunan Langkawi, 2019). Tumpuan pembangunan infrastruktur Pulau Langkawi dilaksanakan oleh kerajaan negeri Kedah dengan bantuan kerajaan pusat bagi memenuhi respons positif lambakan kedatangan plancong dari seluruh pelusuk dunia yang meningkat setiap tahun.

Perkhidmatan katering dan makanan juga dikatakan memerlukan penelitian dari kerajaan dan pihak swasta bagi memenuhi cita rasa plancong dari pelbagai destinasi dunia. Pembangunan infrastruktur restoran dan pusat makanan dikatakan menjadi antara fokus sektor plancongan yang dikaitkan dengan kepuasanhati golongan plancong yang teruja untuk menikmati juadah menarik, bermutu tinggi dan sedap. Persekitaran gerai makanan yang kerap dikunjungi oleh plancong sentiasa dipantau bagi memastikan prosedur penyediaan makanan dipatuhi. Imej bersih, murah dan sedap menjadi moto kepada penjual makanan bagi menarik plancong



membeli makanan yang dijual luar dari premis bangunan seperti restoran atau hotel. Faktor keselamatan, keselesaan dan kebersihan dititikberatkan di mana badan bertanggungjawab seperti majlis perbandaran memantau selia peniaga makanan untuk mematuhi peraturan yang ditetapkan (Haliza, 2018). Tapak pembinaan resort dan kompleks perhotelan turut tidak terkecuali dari mematuhi syarat-syarat penyediaan makanan kepada pelancong kerana sebahagian besar dari aduan yang diterima melibatkan ketidakpuasan hati pelancong berhubung perkhidmatan makanan yang disediakan oleh pihak penginapan.

Era modenisasi menyaksikan persaingan pembangunan infrastruktur negara ini adalah setara dengan status Malaysia sebagai negara membangun. Usaha giat dibuktikan apabila kerajaan mengambil langkah pro-aktif mengenalpasti sektor relevan bagi pembangunan infrastruktur. Contohnya peruntukan besar sepanjang tahun 2018-2019 diberikan kepada pembangunan golongan usahawan yang melibatkan pembangunan luar bandar, desa & kampung tradisi. Kerajaan negeri mendelegasikan tanggungjawab kepada Pejabat Tanah dan Daerah sebagai medium perantara rakyat dengan mengendalikan aduan kerosakan komuniti setempat secara pantas. Pihak kerajaan turut memastikan peruntukan besar diberikan bagi membaiki jalan rosak, menaiktaraf jalan raya dan membina sistem perparitan bagi mendokong pembangunan luar bandar berkenaan. Rentetan dari itu, dasar galakan penglibatan masyarakat desa dalam perancangan dan pembangunan infrastruktur industri pelancongan telah menyaksikan kerajaan memperkenalkan konsep penginapan *homestay* di kawasan luar bandar. Melalui Dasar Pembangunan Luar Bandar 2030 kerajaan merealisasikan pembangunan sosioekonomi negara yang melibatkan masyarakat luar bandar (Sinar Harian, 2020b). Inisiatif tersebut dipergiatkan bagi memberi peluang pekerjaan terutama kepada penduduk desa. Spesifikasi yang lebih longgar menarik minat penduduk desa bagi mengusahakan *homestay* yang berpotensi untuk menjana pendapatan lebih bagi seisi rumah. Kerajaan memberi pendedahan pengetahuan bagi menguruskan *homestay* dengan kelengkapan asas yang dibantu dana kepada setiap pengusaha. Sektor pelancongan inap desa memberi keunikan tersendiri yang berupaya memberi kelainan kepada pelancong luar negara yang berminat merasai pengalaman kehidupan desa yang berbeza. Perkembangan infrastruktur pelancongan kini memberi manfaat kepada masyarakat desa bukan sahaja dari aspek memperluaskan pilihan pekerjaan tetapi juga melahirkan usahawan kampung yang berpotensi menjana pendapatan yang lumayan.

Kelebihan masyarakat multi etnik di negara ini merupakan bonus tambahan yang harus digunakan sebaik mungkin sebagai daya tarikan pelancong yang teruja untuk mendalami budaya dan adat resam masyarakat Malaysia. Improvasi kompleks muzium dan galeri seni termasuklah muzium sejarah, muzium diraja, galeri seni budaya, muzium kraftangan, maritim dan banyak lagi dianggarkan dapat menarik tumpuan pelancong. Antara muzium berjaya mendapat jumlah pengunjung yang tinggi adalah muzium bersejarah seperti Muzium Negara Malaysia, Muzium Seni Asia, Muzium Tekstil Negara, Muzium Seni Islam, Muzium dan Galeri Seni Bank Negara, Muzium Diraja dan Muzium Sabah (Jabatan Muzium Malaysia, 2019). Justeru itu, mengambil kelebihan tersebut nyata sekali pembangunan industri pelancongan mampu dijadikan elemen kebudayaan yang mempunyai daya tarikan pelancong luar datang ke negara kita. Dengan menambahbaik infrastruktur tinggalan sejarah, usaha tersebut bukan sahaja memelihara artifak negara malahan arkib tidak ternilai tersebut boleh dikongsi bersama.

#### (vi) Integrasi Teknologi dan Telekomunikasi dalam Pembangunan Infrastruktur

Kepesatan pembangunan infrastruktur sesebuah negara boleh dilihat dari kecanggihan teknologi dan telekomunikasi yang dinikmati oleh penduduk. Bagi Malaysia hasrat tersebut telah dirancang sepanjang tempoh negara melalui fasa merealisasikan Wawasan 2020. Pelbagai dasar, program, inisiatif yang digarapkan ke dalam projek pembangunan dan penggunaan infrastruktur telekomunikasi diperkenalkan. Antara projek kerajaan yang melibatkan generasi muda adalah pembinaan 1,122 *telecentre* bertujuan memperkenalkan teknologi digital dan memimpin kefahaman berhubung budaya inovasi dan kreativiti (Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, 2016). Sejumlah 5,737 buah lokaliti didaftarkan dalam Program Kampung Tanpa Wayar. Kesyukuran dari usaha tersebut telah mewujudkan 971 menara telekomunikasi di seluruh negara bagi meningkatkan capaian internet terutama bagi lokaliti penduduk pinggir dan luar bandar (Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, 2016b). Masyarakat desa didedahkan kepada pengetahuan dan kemahiran yang akhirnya mampu menjana sumber pendapatan alternatif yang boleh membantu kelangsungan hidup isi rumah.

Manakala pembangunan infrastruktur fasiliti awam seperti talian telekomunikasi tanpa terbatasi disediakan oleh pihak kerajaan menjangkau ke serata pelusuk negara diangkat sebagai prioriti utama demi melindungi kesejahteraan rakyat. Hal ini demikian kerana penduduk di kawasan pedalaman berupaya untuk mencari sumber ekonomi sekiranya mereka mempunyai kemudahan asas yang mencukupi (Junaidi, Mohd Fuad, Novel & Mazlan, 2013). Terkini sejumlah 86 program Pusat Transformasi Komuniti Bergerak (Mobile CTC) telah diwujudkan serta melibatkan kerjasama dari 55 agensi kerajaan dan swasta serta memberi manfaat hampir kepada 140,000 penduduk (Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, 2016). Program Mobile CTC menyediakan perkhidmatan kepada penduduk luar bandar dengan menganjurkan aktiviti-aktiviti berbentuk kemasyarakatan seperti anjuran aktiviti sukan, mengadakan perjumpaan sosial, dan mengendalikan khidmat komuniti bagi menyemai perpaduan dan merapatkan hubungan segenap lapisan masyarakat. Landasan yang menggunakan program Mobile CTC adalah inisiatif proaktif kerajaan mendekati kumpulan sasaran dengan pemberian bantuan kewangan yang dikenali sebagai kemudahan mikro kredit. Dari perspektif ini, pembinaan infrastruktur telekomunikasi mempunyai kapasiti dalam memperluaskan peluang perkerjaan kepada masyarakat pedalaman. Konsep Kampung Tanpa Wayar (KTW) diperkenalkan di setiap negeri demi memastikan jurang digital masyarakat luar bandar dan bandar dapat diminimalkan.

Kelangsungan tersebut membawa perbincangan ini kepada pembangunan infrastruktur telekomunikasi berteknologi tinggi yang disepadukan ke dalam kurikulum pendidikan disandarkan menjadi fokus peralihan vital dalam arus pendidikan negara. Hasrat Malaysia ingin membentuk kepimpinan generasi muda yang mempunyai kelebihan literasi telekomunikasi serta bijak memanfaatkan infrastruktur teknologi bertujuan menyumbang kepada ekonomi negara yang progresif. Perpindahan ICT ke dalam sektor pendidikan bukan sahaja dapat melahirkan golongan pelajar yang pintar serta barisan guru yang bijak dalam penggunaan aplikasi komputer, malahan kelebihan dalam teknologi menjadikan Malaysia setanding dengan negara maju. Bertitiktolak dari itu, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 diperkenalkan dengan meletakkan inisiatif penstrukturan pembangunan infrastruktur teknologi demi melahirkan modal insan celik IT (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012). Transformasi ke atas pendekatan Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) meletakkan tanggungjawab guru dalam memperolehi kemahiran IT secepat mungkin.

Penekanan turut diberikan dalam usaha mendifusi inovasi ICT yang dipercayai mampu memperlihatkan keberhasilan pembelajaran positif kepada pelajar.

Akhir sekali, Malaysia turut bekerjasama dengan beberapa negara luar dengan memeterai kerjasama bagi melakukan pertukaran ilmu dan teknologi dalam pembangunan infrastruktur. Antara negara yang mendahului jaringan kerjasama tersebut adalah usahama Jepun-Malaysia dalam bidang maklumat dan komunikasi, terutama berkaitan penyiaran dan keselamatan siber. Memorandum Kerjasama (*Memorandum of Understanding*) Maklumat dan Komunikasi turut ditandatangani oleh Menteri Komunikasi dan Multimedia Datuk Seri Dr Salleh Said Keruak dan Menteri Hal Ehwal dalam Negeri dan Komunikasi Jepun Sanae Takaichi (Astro Awani, 2017). Menurut kenyataan yang dikeluarkan oleh Bahagian Antarabangsa Kementerian Komunikasi dan Multimedia, Memorandum Kerjasama berkenaan berjaya membawa penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi dari aspek ICT dalam keselamatan siber, 5G, Internet of Things (IoT), Mobile Digital Wallet dan pengurusan bencana (Astro Awani, 2017). Dengan termeterai Memorandum Kerjasama, Jepun dan Malaysia bersatu keputusan bekerjasama memangkinkan aktiviti penyiaran termasuk penerbitan bersama bahan penyiaran, perkongsian kandungan digital, pemahaman sistem berkaitan digital dan mengutilasikan pertukaran kepakaran dua negara.

#### **(vii) Impak Covid-19 Ke Atas Sektor Pembinaan di Malaysia**

Tunjang kepada pertumbuhan ekonomi negara sedang membangun seperti Malaysia melibatkan sektor pembinaan yang merangkumi pelbagai aspek subsektor contohnya bangunan bukan kediaman, bangunan kediaman, kejuruteraan awam dan aktiviti pembinaan pertukaran khas. Antara yang menjadi keutamaan adalah pembinaan dalam komunikasi yang merujuk kepada sistem telegraf dan pos, sistem perhubungan kereta api dan jalan raya, kemudahan awam dan pusat kesihatan. Manakala infrastruktur pembinaan yang melibatkan sistem perhubungan antara penduduk bandar dan luar bandar seperti pembinaan jambatan maish lagi diangkat sebagai fokus pembangunan utama kerajaan. Langkah tersebut bagi membantu pergerakan aktiviti ekonomi serta meminimalkan kepincangan sosioekonomi masyarakat luar bandar.

Begitu juga dengan pembinaan infrastruktur kesihatan yang melibatkan pembangunan hospital, klinik kesihatan dan pusat rawatan tidak pernah diabaikan seperti yang ditekankan dalam Belanjawan 2020. Pengumuman kerajaan bagi membuka lebih dari 20 klinik kesihatan dan beberapa hospital baharu mendapat sokongan dari pelbagai lapisan masyarakat yang prihatin tentang kepentingan kesejahteraan hidup melalui penjagaan kesihatan. Pandemik Covid-19 yang menular di seluruh dunia meletakkan keprihatinan tinggi negara kepada kebajikan rakyat dan berusaha bagi setiap individu yang tinggal di negara ini beroleh akses penjagaan kesihatan. Justeru itu dalam pembedanaan belanjawan negara bagi tahun 2020 sejumlah RM319 juta telah diperuntukkan bagi tujuan membina dan menaiktaraf klinik kesihatan dan pergigian (Sinar Harian, 2019). Secara rasional, infrastruktur kesihatan komprehensif dan sistematik yang berjaya disediakan oleh kerajaan boleh disampaikan kepada rakyat untuk meningkatkan tahap kesihatan terutama penduduk bandar dan luar bandar.

Umum maklum bahawa pandemik Covid-19 mendatangkan impak negatif ke atas hampir semua sektor ekonomi di Malaysia. Sektor pembinaan merasai tekanan apabila penularan wabak tapak pembinaan menjadi punca merebak virus covid-19. Ini turut disumbang oleh

kualiti persekitaran yang kurang kondusif dengan bilangan pekerja yang tinggi. Pekerja berhadapan dengan dilema walaupun kerajaan telah mengumumkan kelonggaran untuk beroperasi semasa perintah pergerakan kawalan (PKP). Ini berlaku apabila peningkatan kes Covid-19 mengundang kerisauan dalam kalangan pekerja pembinaan. Pandemik Covid-19 memberi kesan berpanjangan ke atas sektor ini apabila tapak pembinaan tidak lagi dapat beroperasi menggunakan kapasiti penuh berpunca dari kekurangan pekerja, ketiadaan bahan dan penurunan modal. Penggantungan operasi dan kelewatan bahan pembinaan dan penurunan modal yang melibatkan projek kos tinggi telah merugikan pihak kontraktor yang bertanggungjawab kepada projek pembinaan tersebut. Sistem pampasan dan gaji pekerja binaan turut menjadi isu apabila kegagalan pihak kontraktor melunaskan gaji pekerja akibat tidak dapat menanggung kerugian besar. Natijahnya, pekerja pembinaan terpaksa akur untuk menyesuaikan diri dalam norma baharu di tapak pembinaan serta akur mematuhi segala *Standard Operation Procedure* (SOP). Norma baharu dalam kerja-kerja pembinaan bukan lagi menjadi satu pilihan sebaliknya merupakan satu keperluan demi mencegah penularan wabak covid-19 di tapak pembinaan (Abdul Rashid, 2020). Kerisauan turut dizahirkan apabila soal keselamatan dan kesihatan semasa bekerja di tapak pembinaan tidak diambil berat oleh pihak yang bertanggungjawab. Ini ditambah lagi dengan perlaksanaan pematuhan *Standard Operating Procedure* (SOP) telah menimbulkan dilema meneruskan kerja demi kelangsungan hidup ataupun memilih untuk menjaga keselamatan nyawa dengan tidak mendedahkan diri di tempat kerja bagi mencegah penularan wabak covid-19 merebak.

### **Kesimpulan**

Pembangunan infrastruktur merupakan komponen utama dalam pembentukan kesejahteraan rakyat, meningkatkan status sosial dan ekonomi kepada persekitaran dan masyarakat. Artikel ini membincangkan isu-isu kontemporari berhubung pembangunan infrastruktur dari segi perbandaran, jalan perhubungan, pengangkutan, pelancongan dan teknologi telekomunikasi. Pihak kerajaan dilihat melakukan pelaburan besar dalam pembangunan infrastruktur agar rakyat berpeluang menikmati kemudahan asas dan perkhidmatan seperti bekalan elektrik, air bersih, kelancaran komunikasi dan kemudahan perhubungan pengangkutan. Pembangunan infrastruktur yang merangkumi jalan raya, lapangan terbang, pelabuhan, kereta api, logistik, perkhidmatan bekalan elektrik dan air serta infrastruktur digital menyumbang kepada ekonomi progresif Malaysia. Melalui intensiti kerajaan melakukan pelaburan ke atas pembangunan infrastruktur telah meletakkan Malaysia sebagai sebuah negara sedang membangun yang berpotensi untuk menjadi penyumbang kepada negara lain. Justeru itu, sokongan padu dan persepsi positif terhadap sektor perindustrian berupaya membuka dan memperluaskan peluang pekerjaan dalam sektor perindustrian negara. Generasi muda boleh turut menyumbang dengan memahami teknologi bidang pembinaan dan infrastruktur sebagai sektor penting yang menyumbang kepada ekonomi negara. Ini berupaya mempengaruhi corak perkembangan bandar dan luar bandar yang secara tidak langsung menyokong usaha kerajaan mengutamakan kebajikan dan kualiti hidup rakyat.

### **Penghargaan**

Manuskrip ini dihasilkan berasaskan dana geran penyelidikan *Malaysia Driving Cycle – Phase III, Sabah Region* (MARii) (Kod Geran: GLS0031-2019) dan Geran Penyelidikan Penerbitan sumbangan Global Academic Excellence (GAE) (Kod Geran: TLS2105).

## Bibliografi

- Abdul Rashid Aziz @ Dorashid. (2020). Pengangguran dalam kalangan Tenaga Kerja Semasa Wabak COVID-19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 5(11): 1 -9
- Ainon Mohd. (2005). *Teori dan Teknik Kepimpinan.: Panduan Aplikasi di Tempat Kerja*. Pahang: PTS Professional.
- Abang Muis, A. M. R., Alias, M. S., Kamaruding, M., & Mokthar, M. Z. (2018). Islamic Perspective on Human Development Management: A Philosophical Approach. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 8(4), 543–552
- Astro Awani. (2020a). Kadar Pengangguran September 2020 Menurun Kepada 4.6 Peratus. Diakses pada 02 Jun 2021, dari <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kadar-pengangguran-september-2020-menurun-kepada-46-peratus-267604>.
- Astro Awani. (2020b). Belanjawan 2021: Peruntukan lebih besar untuk Sabah - Azizah Dun. Diakses pada 03 Jun 2021, dari <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/belanjawan-2021-peruntukan-lebih-besar-untuk-sabah-azizah-dun-266249>.
- Astro Awani. (2020c). Belanjawan 2021: Dana pembangunan RM5.1 bilion untuk Sabah, RM4.5 bilion Sarawak. Diakses pada 02 Jun 2021, dari <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/belanjawan-2021-dana-pembangunan-rm51-bilion-untuk-sabah-rm45-bilion-sarawak-267213>.
- Astro Awani. (2017). Malaysia, Jepun Tandatangani MoC Tingkatkan Kerjasama Bidang Maklumat Dan Komunikasi. Diakses pada 05 Jun 2021, dari <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/malaysia-jepun-tandatangani-moc-tingkatkan-kerjasama-bidang-maklumat-dan-komunikasi-129293>.
- Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor. (2019). Laporan Ekonomi 2019/2020 Negeri Johor Darul Ta'zim. Diakses pada 10 Jun 2021, dari <https://bpen.johor.gov.my/wp-content/uploads/2021/02/lenj2019-2020.pdf>
- Berita Harian. (2021a). Dasar KKR Bantu Sektor Pembinaan Kekal Mapan. Diakses pada 05 Jun 2021, dari <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/03/792808/dasar-kkk-bantu-sektor-pembinaan-kekal-mapan>.
- Berita Harian. (2021b). Dasar Tidak Benarkan Pengambilan Pekerja Asing Ladang Kekal. Diakses pada 04 Jun 2021, dari <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/04/805273/dasar-tidak-benarkan-pengambilan-pekerja-asing-ladang-kekal>.
- Berita Harian. (2021c). Perkemas industri perkapalan, pelabuhan Negara. Diakses pada 04 Jun 2021, dari <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2021/03/797735/perkemas-industri-perkapalan-pelabuhan-negara>
- Berita Harian. (2020a). Kerajaan akan Bina Lebih Banyak Rumah Mampu Milik. Diakses pada 04 Jun 2021, dari <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/12/768192/kerajaan-akan-bina-lebih-banyak-rumah-mampu-milik>.
- Berita Harian. (2020b). Hanya 19 Peratus Pilih Aliran Sains. Diakses pada 05 Jun 2021, dari <https://www.bharian.com.my/berita/pendidikan/2020/05/694083/hanya-19-peratus-pilih-aliran-sains>.
- Berita Harian. (2020c). Projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah Catat Kemajuan Fizikal 22 Peratus. Diakses pada 05 Jun 2021, dari <https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2020/01/644500/projek-lebuhraya-pan-borneo-sabah-catat-kemajuan-fizikal-22-peratus>.
- Berita Harian. (2020d). Malaysia catat RM66.1 Bilion Pendapatan Pelancongan. Diakses pada



- 05 Jun 2021, dari <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/01/649505/malaysia-catat-rm661-bilion-pendapatan-pelancongan>.
- Berita Harian. (2020e). Kerajaan Pusat salur RM34.3 juta kepada Pelabuhan Kontena Teluk Sepanggar. Diakses pada 06 Jun 2021, dari <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/09/728507/kerajaan-pusat-salur-rm343-juta-kepada-pelabuhan-kontena-teluk>.
- Berita Harian. (2019a). Warga Asing Monopoli Kerja Penduduk Tempatan. Diakses pada 06 Jun 2021, dari <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/10/621824/warga-asing-monopoli-kerja-penduduk-tempatan>.
- Berita Harian. (2019b). Sektor Pelancongan Sumbang RM84.1 Bilion. Diakses pada 05 Jun 2021, dari <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/02/535609/sektor-pelancongan-sumbang-rm841-bilion>.
- Berita Harian. (2018a). Lebuhraya Pan Borneo Diteruskan. Diakses pada 01 Jun 2021, dari <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/11/493800/lebuhraya-pan-borneo-diteruskan>.
- Berita Harian. (2018b). Lebuhraya Pan Borneo Akhiri Penantian 50 Tahun. Diakses pada 01 Jun 2021, dari <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/04/406119/lebuhraya-pan-borneo-akhiri-penantian-50-tahun>
- Berita Harian. (2015a). Kerajaan Negeri, GLC, Swasta Perlu Jayakan PR1MA – PM. Diakses pada 01 Jun 2021, dari <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2015/11/100433/kerajaan-negeri-glc-swasta-perlu-jayakan-pr1ma-pm>.
- Berita Harian. (2015b). Najib Perjelas Rasional Lebuhraya Pan Borneo Tidak Dikenakan Tol. Diakses pada 02 Jun 2021, dari <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2015/03/44448/najib-perjelas-rasional-lebuhraya-pan-borneo-tidak-dikenakan-tol>.
- Berita Harian. (2014). Pemberian Subsidi Naikkan Semangat Penanam Padi Bukit. Diakses pada 02 Jun 2021, dari <https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/61/2014/10/14541/pemberian-subsidi-naikkan-semangat-penanam-padi-bukit>
- Borneotoday. (2019). Pembangunan Infrastruktur Pendidikan Terus Diberi Perhatian. Diakses pada 05 Jun 2021, dari <https://www.borneotoday.net/pembangunan-infrastruktur-pendidikan-akan-terus-diberi-perhatian/>.
- Jabatan Muzium Malaysia. (2019). Laporan Tahunan 2019. Diakses pada 05 Jun 2021, dari <http://www.jmm.gov.my/files/Laporan%20Tahunan%20JMM%202019.pdf>.
- Haliza Abdul Rahman. (2018). Potensi dan Cabaran Dalam Memajukan Pelancongan Islam di Malaysia. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*: 506-518.
- Harlida Abdul Wahab & Mumtaj Hassan. (2016). *Undang-undang dan Tadbir Sumber Manusia*. Sintok. Universiti Utara Malaysia (UUM).
- Harian Metro. (2020). 6,564 Peluang Kerjaya Dalam Sektor Pembinaan. Diakses pada 20 Mei 2021. Diakses pada 05 Jun 2021, dari <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/08/609229/6564-peluang-kerjaya-dalam-sektor-pembinaan>.
- Junaidi, A. B., Mohd Fuad, M. J., Novel, L., dan Mazlan, A. (2013). Penggunaan Internet dan Persepsi Politik Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Personalia Pelajar*, 16: 1 – 13
- Kalaiselvi A/P Karunamurthi & Lai Wei Sieng. (2018). Pilihan Sektor Pekerjaan Dan Faktor

- Mempengaruhi Pilihan Pekerjaan Dalam Kalangan Pelajar Universiti. *Jurnal Personalia Pelajar*, 21 (2): 5-11.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2012). Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Diakses pada 17 Mei 2021, dari <https://www.moe.gov.my/muat-turun/penerbitan-dan-jurnal/1821-l-a-pelan-pembangunan-pendidikan-2013-2025/file>
- Laporan CIDB. (2020). CIDB Malaysia dan PERKESO Meterai MOU Tingkatkan Peluang Latihan dan Penempatan Pekerjaan dalam Sektor Pembinaan. Diakses pada 15 Mei 2021, dari [https://www.cidb.gov.my/sites/default/files/202009/PERKESO%20CIDB%20MEDIA%20STATEMENT%20110820\\_FINAL\\_0.pdf](https://www.cidb.gov.my/sites/default/files/202009/PERKESO%20CIDB%20MEDIA%20STATEMENT%20110820_FINAL_0.pdf).
- Lussier, R.N. & Achua, C.F. (2007). *Effective Leadership (3rd Edition)*. Australia: Thomson SouthWestern.
- Lembaga Pembangunan Langkawi. (2019). Statistik Kehadiran Pelancong ke Langkawi 2019. Diakses pada 17 Mei 2021, dari <https://www.lada.gov.my/statistik/>.
- Lembaga Pelabuhan Klang. (2010). Melangkaui Sempadan Penglihatan (Laporan Tahunan Diakses pada 17 Mei 2021, dari 2010). <https://www.pka.gov.my/phocadownload/annualreport/annual%20report%202010.pdf>.
- Lussier, R.N. & Achua, C.F. (2007). *Effective Leadership (3rd Edition)*. Australia: Thomson SouthWestern.
- Martin, J. & Marion, R. (2005). Higher education leadership roles in knowledge processing. *The Learning Organization*, 12(2), 140-151.
- Md Lazim Mohd Zin, Hadziroh Ibrahim, dan Faridahwati Mohd Shamsudin. (2013). Hubungan Antara Gaya Kepimpinan Transformasi, Transaksi dan *Laissez-Faire* dengan Persepsi Terhadap Sokongan Organisasi. *International Journal of Business and Technopreneurship*, 3(1):161-18
- Md Zyadi Bin Md Tahir, Azmafazilah Jauhari, Norain Mod Asri & Iszan Hana Kaharudin. (2009). Sumbangan Sektor Pembinaan, Kewangan Dan Infrastruktur Terhadap Pertumbuhan Ekonomi: Kajian Kes Asean 4. *Prosiding PERKEM IV*, JILID 1: 57-76.
- Metro. (2021). Kerajaan Tegas Tidak Bawa Masuk Pekerja Asing Walaupun Berlaku Kekurangan Pekerja. Diakses pada 25 Mei 2021, dari <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/05/711138/kerajaan-tegas-tidak-bawa-masuk-pekerja-asing-walaupun-berlaku-kekurangan>.
- Metro. (2020). KKR Capai 99% KPI. Diakses pada 25 Mei 2021, dari <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/03/680768/kkr-capai-99-kpi>
- Mohd Helmi Ali, Azman Ismail, Norhidayah Suleiman & Mohammad Azrul Tajuddin. (2016). Faktor Pemilihan Kerjaya Dalam Kalangan Pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia: Satu Panduan Untuk Industri. *Jurnal Personalia Pelajar*, 19 (2): 9-15.
- Mohd Koharuddin Bin Mohd Balwi. (2005). Pembangunan Luar Bandar Di Malaysia: Gerakan Desa Wawasan (GDW) Sebagai Mekanisme Pembangunan Masyarakat Luar Bandar. *Jurnal Teknologi*, 42(E): 31-48.
- Phillips, B. T. (2003). A Four-Level Learning Organization Benchmark Implementation Model. *The Learning Organization*, 10(2), 98-105
- Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. (2016a). Rancangan Malaysia Kesebelas Bab 3: Memperkukuh Inklusiviti Ke Arah Masyarakat yang Saksama. Diakses pada 20 Mei 2021, dari <https://www.epu.gov.my/sites/default/files/2020-02/Bab%203.pdf>.
- Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. (2016b). Kertas Strategi 15: Memacu

- Teknologi Maklumat dan Komunikasi dalam Ekonomi Berasaskan Pengetahuan. Diakses pada 20 Mei 2021, dari <https://www.epu.gov.my/sites/default/files/2020-02/Kertas%20Strategi%2015.pdf>.
- Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. (2011). Rancangan Malaysia Kesepuluh 2011-2015. Diakses pada 20 Mei 2021, dari <https://www.epu.gov.my/sites/default/files/2020-03/ucapan-oleh-yab-perdana-menteri.pdf>.
- Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. (2006). Rancangan Malaysia Kesembilan 2006-2010. Diakses pada 23 Mei 2021, dari <https://www.epu.gov.my/sites/default/files/2020-03/RMK9.pdf>.
- Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. (2006). Bab 7: Memperkukuh Infrastruktur Bagi Menyokong Pertumbuhan Ekonomi, Rancangan Malaysia Kesebelas. Diakses pada 23 Mei 2021, dari <https://www.epu.gov.my/sites/default/files/2020-02/Bab%207.pdf>
- Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. (2001). Rancangan Malaysia Kelapan 2001-2005. Diakses pada 28 Mei 2021, dari [https://policy.asiapacificenergy.org/sites/default/files/8th%20MP\\_Malaysian.pdf](https://policy.asiapacificenergy.org/sites/default/files/8th%20MP_Malaysian.pdf).
- Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. (1996). Rancangan Malaysia Ketujuh 1996-2000. Diakses pada 28 Mei 2021, dari <https://www.pmo.gov.my/dokumenattached/RMK/RM7.pdf>.
- Utusan Borneo. (2020). Projek Lebuh raya Trans Borneo Mula Dibangunkan Tahun Ini - Baru Bian. Diakses pada 03 Jun 2021, dari <https://www.utusanborneo.com.my/2020/01/28/projek-lebuh-raya-trans-borneo-mula-dibangunkan-tahun-ini-baru-bian>.
- Utusan Borneo. (2019). Kerajaan Sabah Terus Komited Kurangkan Kawasan Setinggalan Di Seluruh Negeri. Diakses pada 03 Jun 2021, dari <https://www.utusanborneo.com.my/2019/09/10/kerajaan-sabah-terus-komited-kurangkan-kawasan-setinggalan-di-seluruh-negeri>.
- Utusan Borneo. (2018). Kerajaan Perlu Sedia Banyak Peluang Pekerjaan. Diakses pada 03 Jun 2021, dari <https://www.utusanborneo.com.my/2018/02/20/kerajaan-perlu-sedia-banyak-peluang-pekerjaan>
- Salman, A., Yusoff, M.A., Mohamad Salleh, M.A., & Hj Abdullah, M.Y. (2018). Penggunaan Media Sosial Untuk Sokongan Politik Di Malaysia. *Journal of Nusantara Studies*, 3(1):51-63.
- Sinar Harian. (2020a). Peruntukan RM725 Juta Bagi Naik Taraf Sekolah Daif. Diakses pada 06 Jun 2021, dari <https://www.sinarharian.com.my/article/108835/KHAS/Belanjawan-2021/Peruntukan-RM725-juta-bagi-naik-taraf-sekolah-daif>.
- Sinar Harian. (2020b). Agenda Luar Bandar Terus Diperkasa. Diakses pada 06 Jun 2021, dari <https://www.sinarharian.com.my/article/109089/BERITA/Nasional/Agenda-luar-bandar-terus-diperkasa>.
- Sinar Harian. (2019). 20 Klinik Kesihatan, Sebuah Hospital Bakal Dibina: Dzulkefly. Diakses pada 06 Jun 2021, dari <https://www.sinarharian.com.my/article/51764/KHAS/Belanjawan-2021/20-klinik-kesihatan-sebuah-hospital-bakal-dibina-Dzulkefly>